



Panduan Pemilik Ikan Laga



Sistem penapisan berarus perlahan

Pengcahayaan 8 jam sehari

Tempat bersembunyi gua ikan laga

Suhu pemanasan 24° sehingga 27° C

Tumbuhan hidup & bebola lumut marimo

Sebuah akuarium untuk seekor ikan laga jantan

Saiz akuarium 5 gallon / 20 Liter minimal

Daun Ketapang

Cara membahagiakan ikan laga

Ikan laga adalah sejenis ikan yang bijak, pandai bermain, mempunyai sifat ingin tahu dan keperibadian yang tinggi. Ikan laga suka berinteraksi bersama anda, jadi anda boleh melatih mereka dengan beberapa aksi. Anda boleh melayari internet, dan mencari katakunci #betaolympics #bettabonding di aplikasi Instagram dan lihatlah aksi mereka.

Ikan laga anda memerlukan air yang bersih untuk hidup dengan sihat, sama seperti kita memerlukan udara yang segar untuk hidup. Rahsia untuk menjaga ikan laga dengan baik adalah dengan menyediakan ruang akuarium yang luas, air yang bersih, tumbuhan hidup, pelbagai makanan dan kasih sayang. Itu sahaja!



Makanan

Berikan makanan yang sedikit, 2x sehari

- Pelet makanan ikan
- Butiran makanan
- Cacing darah
- Baby Brine Shrimp
- Makanan ikan kepingan
- Kutu air



⚠ Jangan memberi makanan secara berlebihan!

Pergantian air secara mingguan



Anda perlu menukar sekurang-kurangnya 40% air setiap minggu. Jangan lupa untuk menyahklorinkan air paip tersebut dengan menggunakan anti-klorin ataupun perapi air untuk menyingkirkan klorin dan kloramin yang ada didalam air paip.

Proses penyesuaikliman

- 1.** Apungkan plastik bungkus pada bekas air untuk melaraskan suhu
- 2.** Buka plastik bungkus secara berhati-hati
- 3.** Ambil sedikit air daripada bekas akuarium ikan laga dan masukkan kedalam plastik bungkus ikan
- 4.** Cedokkan ikan laga keluar daripada plastik bungkus dan lepaskan kedalam akuarium

